

Sinar Harian
23 June 2023



Sun Life peruntuk RM3 juta perkasa kesihatan generasi muda

PUTRAJAYA - Sun Life Malaysia (Sun Life) memperuntukkan RM3 juta bagi inisiatif memperkasa aspek kesihatan fizikal dan mental dalam kalangan remaja serta kanak-kanak di Malaysia.

Peruntukan yang dibelanjakan sejak 10 tahun bertapak di Malaysia itu membuktikan bahawa syarikat berkenaan menyedari kepentingan kesihatan rakyat negara ini.

Ia ditambah dengan dapatan Kad Laporan Aktiviti Fizikal Kanak-Kanak dan Remaja 2022 yang menyatakan bahawa ramai daripada golongan berkenaan kurang aktif secara fizikal.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Sun Life Malaysia, Ho Teck Seng, inisiatif tersebut berpunca daripada pandemik Covid-19 yang melanda negara beberapa tahun lalu sehingga menyebabkan gaya hidup sihat tidak dapat diamalkan dengan sebaik mungkin.

Jelas beliau, antara inisiatif yang dijalankan bagi memperkasa usaha tersebut merangkumi klinik bola keranjang dan bengkel kesihatan fizikal

“

Dapatan daripada Kad Laporan Aktiviti Fizikal Kanak-Kanak dan Remaja 2022 dapat membantu pihak berkepentingan, penggubal dasar, pendidik serta ibu bapa mengenal pasti cara lebih berkesan untuk menggalakkan kanak-kanak dan remaja mengamalkan gaya hidup sihat.”

- Ho Teck Seng



Teck Seng berucap semasa Majlis Pelancaran Kad Laporan Aktiviti dan Kanak-Kanak di Putrajaya pada Khamis.

serta mental.

Menurutnya, Sun Life turut mengadakan program pemeriksaan glukosa darah di seluruh negara yang melibatkan kira-kira 21,000 rakyat Malaysia sejak empat tahun lalu.

“Di Sun Life, kami percaya bahawa masa depan yang lestari bergantung kepada generasi muda sihat dan berdaya tahan.

“Dapatan daripada Kad Laporan Aktiviti Fizikal

Kanak-Kanak dan Remaja 2022 dapat membantu pihak berkepentingan, penggubal dasar, pendidik serta ibu bapa mengenal pasti cara lebih berkesan untuk menggalakkan kanak-kanak dan remaja mengamalkan gaya hidup sihat,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa Majlis Pelancaran Kad Laporan Aktiviti dan Kanak-Kanak di sini pada Khamis.

Sun Life telah bekerjasama dengan Active Healthy Kids Global Alliance (AHKGA) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk menyokong kad laporan tersebut yang dibangunkan sebagai sebahagian daripada inisiatif Global Matrix 4.0 AHKGA.

Ia mewakili sintesis berasaskan bukti bagi tingkah laku terhadap aktiviti fizikal kanak-kanak dan remaja.

Dengan menggunakan satu

siri penunjuk yang berkaitan dengan tingkah laku harian, persekitaran dan sumber pengaruh, strategi, pelaburan dan faktor-faktor lain, ia juga dapat memberikan tinjauan serta cadangan untuk meningkatkan kesihatan fizikal golongan berkenaan.

Kad Laporan Aktiviti Fizikal Kanak-Kanak dan Remaja Malaysia akan dilaporkan sekali lagi pada 2026 selepas dapatan baharu dikemukakan.